

PERMASALAHAN PENGAJARAN NAHU BAHASA ARAB KEPADA PELAJAR SARJANA MUDA SAINS SERTA PENDIDIKAN (PENGAJIAN ISLAM) UTM

Ahmad Kilani Mohamed
Azhar Muhammad
Kamarul Azmi Jasmi

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

Suggested Citation:

Mohamed, A. K., Muhammad, A., & Jasmi, K. A. (2012). Permasalahan Pengajaran Nahu Bahasa Arab Kepada Pelajar Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Pengajian Islam) UTM in *Prosiding Fourth International Seminar on LSP in Practise: Responding to Challenges* at Fakulti Pengurusan dan Sumber Manusia, Universiti Teknologi on 26 March 2003, pp. 1-12.

Abstrak

Artikel ini membincangkan kemahiran membaca dalam bahasa Arab meliputi mak.sud membaca (al-Qira'ah wal-Mutala'ah), realiti pembelajaran kemahiran membaca, pembahagian bacaan kepada bacaan senyap dan nyaring, objektif mengajar kemahiran membaca, kaedah pengajaran al-Qira'ah di Universiti Teknologi Malaysia serta contoh soalan dalam menguji kefahaman bacaan senyap pelajar-pelajar UTM.

**PERMASALAHAN PENGAJARAN NAHU BAHASA ARAB KEPADA PELAJAR SARJANA
MUDA SAINS SERTA PENDIDIKAN (PENG AJI AN ISLAM) UNIVERSITI
TEKNOLOGI MALAYSIA DAN PENYELESAIANNYA***

Ahmad Kilani Mohamed

Azhar Muhammad

Kamarul Azmi Jasmi

Pusat Pengajian Islam Dan Pembangunan Sosial

Universiti Teknologi Malaysia 81310 UTM

Skudai Johor Darul Takzim

Tel: 07-5534344 Fax:07-5537523

Mel-E:[kilani62/2\(a\),hotmail.com](mailto:kilani62/2(a),hotmail.com)

Abstrak

Pengajian nahu bahasa Arab adalah satu pengajian yang memerlukan kepada kaedah yang sesuai di samping beberapa faktor yang perlu ada untuk mewujudkan minat pelajar. Memandangkan kepentingan dan keistimewaan mempelajari al-Qawaid al-Arabiyyah ini, para sarjana telah mengemukakan pelbagai metode pengajaran yang sesuai dan tidak membosankan pelajar. Universiti Teknologi Malaysia (UTM) adalah salah sebuah insitiusi pengajian linggi yang menawarkan pengajian ini di peringkat ijazah dalam kursus Sarjana Muda Sains Dengan Pendidikan (Pengajian Islam). Pengalaman pensyafah-pensyarah Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial (PPIPS), UTM yang mengajar mata pelajaran ini mendapati terdapat beberapa permasalahan yang menyebabkan pelajar-pelajar kursus ini lemah untuk menguasai mata pelajaran ini walaupun beberapa kaedah terkini dilaksanakan dalam pengajaran. Hasil daripada itu menyebabkan ramai pelajar yang kurang berminat terhadap mata pelajaran ini dengan pelbagai alasan. Beberapa permasalahan seperti latar belakang pelajar, persekitaran, tenaga pengajar dan lain-lain telah dapat dikenal pasti. Cara penyelesaian dan cadangan susulan diharap dapat membantu dan mengubah situasi ini di masa akan datang.

1.0 PENDAHULUAN

Guru-guru yang terlibat secara langsung dalam bidang pengajaran nahu bahasa Arab sering kali menghadapi pelbagai masalah. Antaranya ialah masalah penyediaan bahan pengajaran yang sesuai untuk pelajar mereka dan cara untuk mewujudkan pengajaran yang berkesan, khususnya kepada para pelajar tempatan yang bukan penutur Arab.

Selain daripada itu, masalah pengajaran bahasa Arab adalah berpunca daripada terlalu kurangnya bilangan mereka yang *memiliki* kepakaran khusus dalam bidang tersebut. Penyelidikan-penyelidikan tentang kaedah pengajaran bahasa Arab yang berkesan khususnya kepada pelajar-pelajar yang bukan penutur Arab adalah terlalu kurang. Walaupun terdapat institusi-institusi di negara Arab seperti di negara Arab Saudi dan Sudan serta pusat-pusat pengajian tinggi dan universiti di Eropah dan Amerika Syarikat yang menawarkan pengajaran khusus dalam bidang kaedah pengajaran nahu bahasa Arab, tetapi usaha untuk memantapkan lagi pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab masih dikira terlalu sedikit. Situasi yang sama berlaku di Malaysia melalui pengajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah menengah harian, kebangsaan agama, agama negeri dan di Institusi-institusi Pengajian Tinggi.

*Kertas Kerja ini dibentangkan di seminar antarabangsa *Fourth International Seminar on 'LSP in Practice: Responding to Challenges'* pada 26 Mac 2003, bertempat di Hotel Eden Garden, Johor Bahru, Malaysia, anjuran Jabatan Bahasa Moden, FPPSM, UTM skudai Johor

1.2 PENGAJARAN NAHU BAHASA ARAB DAN KOMPONEN-KOMPONENNYA

Untuk mencapai objektif seperti yang dirancang dalam pengajaran nahu bahasa Arab, perhatian mesti diberikan kepada bahasa itu sendiri yang mempunyai cabang-cabangnya dalam pelbagai bidang seperti bacaan dan kefahaman (*muthala'ah*), *pembentukan ayat dan karartgan (insya')*, teks dan hafazan (*mahfuzat*), penulisan (*imla' dan khat*), nahu dan saraf (*qawa'id*), kesusasteraan (*adab*), dan retorik (*ilmu balaghah*).

Kesemua bidang tersebut ialah satu kesatuan yang dianggap sebagai bidang pembelajaran bahasa Arab secara serentak yang mana nahu dan soraf sebagai satu bidang khusus dalam pembelajaran bahasa Arab. Ia adalah salah satu cabang ilmu yang memberikan tumpuan terhadap aspek fungsian sesuatu perkataan dalam penentuan baris akhir perkataan yang menentukan kedudukannya sama ada boleh dikategorikan sebagai *kalimah i'rab* atau *binaa'*. Bidang ini akan memastikan penentuan bacaan dan penulisan menepati kehendak-kehendak peraturan tatabahasa Arab yang tepat dan betul.

Ilmu saraf ialah kaedah-kaedah morfologi dalam bahasa Arab yang dengannya dapat diketahui bentuk-bentuk struktur terbina sesuatu perkataan (*binaa' al-kalimah*). *Ilmu imla'* pula ialah kaedah yang dengannya dapat diketahui cara menulis perkataan-perkataan yang tepat semasa melakukan penulisan. *Ilmu balaghah* pula ialah kaedah yang membolehkan penutur bahasa tersebut bertutur secara fasih serta menepati keadaan persekitaran semasa dan memahami teks-teks yang berunsurkan retorik dalam bahasa

Arab. Semua cabang ilmu tersebut ialah ilmu pelengkap bahasa Arab yang membantu pelajar yang mempelajari nahu bahasa Arab sehingga mampu menguasai bahasa tersebut secara mahir dan fasih.

Terdapat beberapa kesilapan secara tradisi yang mana cabang-cabang dalam bahasa Arab dijadikan sebagai matlamat pembelajaran bahasa. Sebaliknya, pembelajaran bahasa itu sendiri dijadikan sebagai alat untuk memahami cabang-cabang ilmu seperti yang disebutkan di atas. Sememangnya banyak pembaziran telah dilakukan oleh sebahagian guru-guru yang mengajar *ilmu qawa'id* (nahu dan saraf) dengan memaksa para pelajar menghafaz apa yang telah diajar oleh guru kepada mereka.

Sebenarnya pendekatan yang tepat dalam pengajaran bahasa Arab ialah mengajar bahasa tersebut dengan fungsinya yang menyeluruh sebagai bahasa ilmu yang sentiasa hidup dan berkembang dalam kehidupan masyarakat. Penguasaan bahasa Arab secara bersepadu akan dapat dicapai melalui pembelajaran bahasa Arab secara menyeluruh. Perkara ini sudah tentu tidak dapat dicapai secara sekali gus dan dalam jangka masa yang singkat. Pembelajaran nahu bahasa Arab perlu melalui pemeringkatan yang bermula daripada pembelajaran di peringkat sekolah rendah, diikuti dengan sekolah menengah, dan seterusnya di peringkat universiti. Pembelajaran bahasa Arab juga perlu melalui pemeringkatan dengan cara pembelajaran bahasa yang mudah dan akan melalui peringkat pertengahan serta tinggi yang memecahkan persoalan-persoalan yang rumit yang berkaitan dengan pembelajaran bahasa Arab secara terperinci.

Merujuk latar belakang seperti yang disebutkan di atas maka artikel ini akan membincangkan mengenai kepentingan pembelajaran nahu bahasa Arab, kaedah pembelajaran nahu bahasa Arab dan permasalahan pembelajaran nahu Arab di kalangan pelajar khususnya di UTM serta cara mengatasinya.

1.3 PEMBELAJARAN AL-QAWA 'ID AL-ARABIYYAH

Bahasa Arab ialah bahasa *i'rab* yang mana akhir setiap perkataan akan bertukar barisnya berdasarkan kedudukannya dalam nahu sama ada dalam bentuk *isim fa'il* atau *maf'uly sifat* dan lain-lain lagi. Sarjana-sarjana dalam bidang bahasa telah memperakui bahawa pembelajaran semua bahasa di dunia lebih menumpu kepada aspek *qawa'id*.

Oleh itu, terdapat sarjana-sarjana bidang bahasa yang berusaha bersungguh-sungguh untuk meneroka satu kaedah pembelajaran bahasa Arab supaya menjadi lebih mudah dan menerima sambutan yang baik di kalangan pengemar dan pencinta bahasa tersebut (Sit! Saodah, 1984:5).

Persoalan yang berkaitan dengan *Qawa'id* (nahu dan saraf) sama ada ia dikira sebagai satu aspek pembelajaran bahasa yang dianggap susah atau sebaliknya, tidaklah menjadi persoalan pokok dalam pembelajaran bahasa Arab. Aspek senang atau susah sebenarnya lebih merujuk kepada bagaimana kaedah pembelajaran bahasa tersebut dipraktiskan, sejauh mana kemahiran guru, dan juga sejauh mana kesediaan pelajar untuk terlibat secara aktif dalam pembelajaran bahasa Arab.

Kita dapati bahawa pembelajaran *Qawa'id* (nahu dan saraf) mudah dipelajari oleh sebahagian pelajar tetapi agak sukar untuk sebahagian pelajar yang lain. Pengajaran bahasa Arab sukar dilakukan tanpa diasaskan pada pembelajaran *Qawa'id*. Penguasaan pelajar adalah tidak sama antara satu dengan yang lain. Dengan itu, sesuatu kaedah yang sesuai untuk sebahagian pelajar, mungkin tidak sesuai untuk pelajar yang lain. Oleh itu, seseorang guru bahasa Arab hendaklah mengambil kira tahap persediaan dan keupayaan para pelajarnya untuk memilih beberapa kaedah supaya dapat dimanfaatkan oleh semua pelajar.

Pembelajaran nahu dalam mana-mana bahasa di dunia merupakan mu kadi man yang sangat penting untuk membetulkan penggunaan bahasa. Sebagai contoh, kesalahan dari aspek /'rab bahasa Arab akan membawa kesan perubahan dari segi makna perkataan yang digunakan. Penggunaan bahasa Arab yang tidak dapat membezakan baris di hadapan untuk *fa'il* dan baris di atas untuk *mqful* sudah tentu akan membawa kesalahan dari segi memahami perkataan-perkataan yang digunakan sama ada melalui tulisan atau lisan. Berdasarkan fakta ini, maka sistem pembelajaran bahasa Arab khususnya yang berkaitan pembelajaran nahu mestilah dilakukan secara terpilih, yang mana hanya tajuk-tajuk nahu yang penting dikemukakan kepada pelajar untuk tujuan membetulkan ayat-ayat yang lazim digunakan dalam bahasa komunikasi dan juga dalam penulisan-penulisan esei yang biasa digunakan oleh para pelajar dalam pembelajaran masing-masing.

Al-Jahiz mengemukakan pandangannya mengenai pembelajaran nahu bahasa Arab. Beliau berkata: "Pembelajaran nahu tidak perlu dikemukakan kepada anak yang masih keclt kecuali sekadar membantunya untuk membetulkan bahasa yang biasa digunakan". Pandangannya ini dipersetujui oleh tokoh-tokoh pendidikan semasa. Tokoh-tokoh ini sama ada dari Timur atau Barat berpendapat bahawa pembelajaran nahu yang dikemukakan kepada pelajar hendaklah dilakukan secara terpilih dengan memilih tajuk-tajuk yang penting sahaja untuk mencapai objektif membetulkan penggunaan bahasa sama ada secara lisan atau tulisan. Ia juga bertujuan untuk membantu pelajar memahami ucapan yang digunakan dalam proses komunikasi dan juga membantu mereka memahami bahan bacaan dengan lebih tepat.

1.4 KEPENTINGAN DAN KEISTIMEWAAN PEMBELAJARAN AU QAWA 'ID AL-ARABIYYAH

Guru bahasa Arab perlu menyedarkan para pelajar; bahawa mata pelajaran *Qawa'id* mempunyai peranan yang sangat penting dalam membetulkan penggunaan bahasa sama ada yang melibatkan aspek penulisan atau yang melibatkan aspek penggunaan bahasa secara komunikasi. Pembelajaran *Qawa'id* juga akan membantu pelajar dari aspek penulisan yang betul serta mempertingkatkan kualiti penggunaan bahasa yang tepat serta bermutu tinggi.

Nahu bahasa Arab dan kaedah pengajaran bahasa Arab mempunyai ciri-ciri keistimewaannya yang tersendiri, yang agak berbeza daripada bahasa-bahasa Eropah yang digunakan oleh masyarakat barat. Antara ciri-ciri yang dimaksudkan ialah penggunaan *Fi%* *Fa'il*, *Mqful bin*, adakalanya terhimpun dalam satu perkataan sahaja.

Sebagai contoh, perkataan *akhaztuhu* yang membawa maksud 'Saya mengambil benda tersebut', walaupun dalam satu perkataan sahaja. Perkataan tersebut diterjemahkan dalam bahasa Inggeris dengan maksud *7 took it*'. Perkataan *Fa 'il* atau *Maful bib* ada kalanya pula digunakan secara berasingan. Sedangkan dalam bahasa Eropah dan termasuk juga bahasa Melayu, ia digunakan secara satu bentuk sahaja. Hal ini menjadikan penggunaan ayata-ayat *dalam* bahasa Arab menjadi lebih rumit dibandingkan dengan bahasa Eropah dan Melayu (Siti Saodah, 1984: 11). Nahu bahasa Arab membentuk ayat secara lebih terperinci yang mana hukum nahu akan berubah dengan perubahan petunjuk-petunjuk ayat yang digunakan. Sebagai contoh:

Muhammad Qabala Aiiyyan (Muhammad datang bertemu Ali)

Muhammad dalam kedudukan nahu dianggap sebagai *Fa 'il* dan Ali pula dianggap sebagai *Maful*. Ayat yang tepat dari segi nahu hendaklah disebut dan ditulis seperti berikut:

Qabala Muhammadun Aiiyyan (Muhammad datang bertemu Ali)

Sebaliknya pula, jika orang yang berucap dalam bahasa Arab atau menulis dalam bahasa Arab dengan maksud ingin menyampaikan mesej bahawa Ali ialah orang yang bertindak datang menemui Muhammad, dalam keadaan seperti ini pengucapan dan penulisan bahasa Arab akan berubah kepada:

Qabala Aliyyun Muhammadan (Muhammad datang bertemu Ali)

Hal ini akan mengubah kedudukan Ali menjadi *Fa'il* sementara Muhammad berubah menjadi *Maful*.

Keistimewaan bahasa Arab seperti yang disebutkan tidak wujud dalam bahasa Iain umpamanya dalam bahasa Inggeris dan juga-dalam bahasa Melayu. Ungkapan dalam bahasa Inggeris seperti '*Mohamed met Ali*' atau '*Ali met Mohamed*' tidak membawa apa-apa implikasi perubahan dari segi nahu.

Tujuan pembelajaran *Qawa'id* adalah seperti berikut (Siti Saodah, 1984: 9):

- (1) Melatih para pelajar menggunakan perkataan-perkataan bahasa Arab dan juga ayat-ayat dalam bahasa Arab secara tepat dan memenuhi kehendak nahu bahasa Arab.
- (2) Mewujudkan budaya penggunaan bahasa yang tepat sama ada ia melibatkan komunikasi atau penulisan.
- (3) Memperkaya perbendaharaan kata serta membina penguasaan bahasa Arab yang dibantu melalui pembacaan bahan-bahan dalam bahasa Arab.
- (4) Melatih para pelajar untuk mengesan ketepatan dan kesaiahan dalam penggunaan bahasa daripada bahan-bahan yang dibaca dan juga daripada bahan-bahan yang didengar melalui siaran radio, kaset dan lain-lain.
- (5) Membantu pelajar untuk memahami ayat yang kompleks dari segi nahu dan bagaimana ayat tersebut dapat dipecahkan menjadi ayat yang lebih mudah. Pelajar juga diajar bagaimana untuk menyusun semula ayat tersebut sehingga maksudnya menjadi lebih jelas dan mudah difahami (Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff dan Rakan-rakan, 1999:213-214).

1.5 KAEDAH PEMBELAJARAN NAHU BAHASA ARAB

Pembelajaran nahu bahasa Arab mempunyai pertalian yang sangat erat dengan pembelajaran bahasa Arab secara keseluruhan. Oleh itu pembelajaran nahu tidak sepatutnya diajar secara berasingan daripada pembelajaran bahasa tersebut kerana cara seperti itu akan menjemukan pelajar. Pembelajaran nahu harus diselitkan secara tidak langsung dalam pembelajaran bahasa Arab supaya ia tidak membantutkan pemahaman pelajar tentang pembelajaran bahasa Arab yang bersifat bersepadu.

Sebaik-baik cara dalam pembelajaran nahu bahasa Arab ialah kaedah yang bersifat tabii. Dalam pembelajaran bahasa, nahu adalah salah satu elemen yang dipelajari secara tidak langsung melalui pembacaan artikel-artikel dalam bahasa Arab dan melalui komunikasi menggunakan bahasa Arab. Pendedahan seperti ini harus mengambil kira pembelajaran bahasa dengan memilih bahan-bahan bacaan dan topik-topik yang berkaitan secara langsung dengan kehidupan para pelajar dan pengalaman mereka tentang persekitaran kehidupan harian masing-masing. Seandainya berlaku pemilihan bahan-bahan bacaan dan topik-topik yang didedahkan kepada para pelajar terlalu asing daripada lingkungan kehidupan mereka, maka pembelajaran bahasa Arab khususnya yang berkaitan dengan nahu akan menjadi suatu bentuk pembelajaran yang amat menjemukan dan tidak menarik perhatian langsung (Fu'ad Ni'mah, 1973: 3).

Antara kaedah-kaedah yang boleh di jalankan dalam pengajaran nahu bahasa Arab adalah seperti berikut:

- (1) Guru hendaklah rncmuiakan pengajaran nahu bahasa Arab dengan membuat mukadimah umum untuk inendapat maklum balas pengetahuan pelajar tentang topik-topik yang telah dipelajari sebelum memulakan pengajaran pada topik yang baru. Pada tahap ini, guru boleh menyoal para pelajar tentang topik-topik nahu yang telah dipelajari serta membincangkan secara ringkas jawapan-jawapan yang dikemukakan oleh pelajar. Selepas perbincangan tersebut, guru akan mengajar pelajar tentang topik-topik nahu yang baru.
- (2) Guru bahasa Arab hendaklah memilih beberapa bahan bacaan atau topik umum, artikel yang diperoleh daripada akhbar harian, majalah atau buku ilmiah yang sesuai dengan minat pelajar, dan daripada bahan bacaan tersebut aspek nahu didedahkan kepada pelajar.
- (3) Contoh-contoh ayat yang berkaitan dengan pengajaran nahu hendaklah dilakukan secara memilih iaitu dengan mengemukakan ayat yang mudah difahami tetapi mempunyai nilai ilmiah dan membina minda pelajar. Ayat mudah seperti yang disebutkan hendaklah ditulis dengan tulisan yang jelas supaya mudah dibaca oleh pelajar. Ayat yang berkaitan dengan pengajaran nahu perlulah digaris di bawahnya untuk menunjukkan ayat tersebut adalah berkaitan secara spesifik dengan tajuk nahu yang sedang dibincangkan.
- (4) Guru hendaklah memberi peluang kepada pelajar membaca ayat yang lengkap dalam bahasa Arab seperti yang tertulis di papan putih secara senyap dan bersendirian supaya pelajar mempunyai sedikit masa untuk cuba memahami ayat tersebut. Susulan selepas itu, guru hendaklah meminta pelajar membaca ayat-ayat tersebut secara kuat serta dapat didengari dengan jelas oleh rakan-rakan pelajar yang lain. Seterusnya, guru boleh bertanya tentang pemahaman pelajar terhadap maksud ayat yang tertulis dan aspek nahu yang sedang dibincangkan.
- (5) Guru hendaklah meminta pelajar membuat ayat yang ringkas tetapi lengkap berkaitan dengan topik nahu yang sedang mereka pelajari. Membina ayat yang

- (6) Memperkaya perbendaharaan kata serta membina penguasaan bahasa Arab yang dibantu melalui pembacaan bahan-bahan dalam bahasa Arab.
- (7) Melatih para pelajar, untuk mengesan ketepatan dan kesalahan dalam penggunaan bahasa daripada bahan-bahan yang dibaca dan juga daripada bahan-bahan yang didengar melalui siaran radio, kaset dan lain-lain.
- (8) Membantu pelajar untuk memahami ayat yang kompleks dari segi nahu dan bagaimana ayat tersebut dapat dipecahkan menjadi ayat yang lebih mudah. Pelajar juga diajar bagaimana untuk menyusun semula ayat tersebut sehingga maksudnya menjadi lebih jelas dan mudah difahami (Nik Mohd. Rahimi Nik Yusoff dan Rakan-rakan, 1999:213-214).

1.5 KAEDAH PEMBELAJARAN NAHU BAHASA ARAB

Pembelajaran nahu bahasa Arab mempunyai pertalian yang sangat erat dengan pembelajaran bahasa Arab secara keseluruhan. Oleh itu pembelajaran nahu tidak sepatutnya diajar secara berasingan daripada pembelajaran bahasa tersebut kerana cara seperti itu akan menjemukan pelajar. Pembelajaran nahu harus diselitkan secara tidak langsung dalam pembelajaran bahasa Arab supaya ia tidak mem-bantu tkan pern ah am an pelajar tentang pembelajaran bahasa Arab yang bersifat bersepadu.

Sebaik-baik cara dalam pembelajaran nahu bahasa Arab ialah kaedah yang bersifat tabii. Dalam pembelajaran bahasa, nahu adalah salah satu elemen yang dipelajari secara tidak langsung melalui pembacaan artikel-artikel dalam bahasa Arab dan melalui komunikasi menggunakan bahasa Arab. Pendedahan seperti ini harus mengambil kira pembelajaran bahasa dengan memilih bahan-bahan bacaan dan topik-topik yang berkaitan secara langsung dengan kehidupan para pelajar dan pengalaman mereka tentang persekitaran kehidupan harian masing-masing. Seandainya berlaku pemilihan bahan-bahan bacaan dan topik-topik yang didedahkan kepada para pelajar terlalu asing daripada lingkungan kehidupan mereka, maka pembelajaran bahasa Arab khususnya yang berkaitan dengan nahu akan menjadi suatu bentuk pembelajaran yang amat menjemukan dan tidak menarik perhatian langsung (Fu'ad Ni'mah, 1973: 3).

Walaupun bagaimanapun, tinjauan mendapati bahawa pelajar-pelajar yang telah menyelesaikan peringkat pengajian mata pelajaran ini masih belum mampu untuk menguasai nahu dan saraf bahasa Arab. Mereka hanya dapat lulus peperiksaan sama ada dengan pangkat memuaskan atau baik dalam setiap peringkat peperiksaan untuk mata pelajaran tersebut. Perkara ini telah mendorong penulis membuat tinjauan secara rawak tentang permasalahan yang berlaku dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran ini.

Hasil daripada pemerhatian yang dibuat termasuk temubual dengan pelajar-pelajar dan pensyarah-pensyarah yang mengajar mata pelajaran ini serta melalui pengalaman penulis sendiri, didapati bahawa beberapa permasalahan telah dikenal pasti yang menyebabkan keadaan ini berlaku. Antara masalah-masalah tersebut bolehlah disimpulkan seperti berikut:

1.7.1 Latar Belakang Pendidikan Pelajar Yang Bukan Jurusan Pengajian Arab

Pelajar-pelajar yang diambil untuk mengikuti kursus SPI ini didapati ada yang bukan daripada kalangan yang pernah belajar Arab. Mereka datang daripada sekolah-sekolah menengah harian dan tidak pernahpun mempelajari bahasa Arab di sekolah apatah lagi mempelajari nahu Arab.

Walaupun bilangannya adalah kecil, tapi ia boleh menjejaskan suasana pengajaran dan pembelajaran dalam bilik kuliah. Pensyarah-pensyarah yang menghadapi situasi ini berada dalam dilema untuk mengatasi masalah ini agar tidak ada pelajar yang akan ketinggalan. Metod pengajaran juga terpaksa diubah-ubah bagi menyesuaikan kemampuan pelajar yang ternyata

berbeza antara satu sama lain khususnya yang pernah mempelajari bahasa Arab dan yang tidak pernah mempelajarinya.

1.7.2 Masa Yang Diperuntukkan Tidak Mencukupi Berbanding Silibus

lengkap seperti yang disebutkan boleh dilakukan dengan meminta pelajar menyebut ayat-ayat tersebut yang lengkap secara lisan di dalam kelas. Pelajar juga diminta menulis ayat-ayat tersebut di papan putih atau dijadikan tugas di rumah yang perlu disediakan oleh pelajar dan diserahkan semula kepada guru pada hari-hari persekolahan yang berikutnya. Ayat-ayat yang dikemukakan oleh pelajar perlu dibincangkan oleh guru bersama pelajar untuk menentukan sama ada ayat yang mereka kemukakan secara lisan atau tulisan itu menepati kehendak nahu bahasa Arab atau sebaliknya. Dengan kaedah ini, keyakinan diri pelajar tentang penguasaan nahu bahasa Arab dapat ditingkatkan dan pembelajaran nahu akan menjadi lebih ceria dan memberangsangkan.

1.6 PENGAJARAN NAHU BAHASA ARAB DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Universiti Teknologi Malaysia (UTM) juga salah satu universiti yang turut menawarkan pembelajaran yang berteraskan kepada pengajaran bahasa Arab iaitu melalui Fakulti Pendidikan dalam kursus sarjana muda sains dengan pendidikan (pengajian Islam). Tahun 1998 merupakan tahun bersejarah bagi UTM kerana buat pertama kalinya melalui fakulti Pendidikan, UTM menerima pelajar yang berlatar belakangkan Pengajian Islam untuk mengikuti kursus pendidikan. Ijazah yang ditawarkan untuk pelajar-pelajar ini ialah Ijazah sarjana Muda Sains serta Pendidikan (Pengajian Islam). Sehingga kini UTM telah mengeluarkan kumpulan pertama dan kedua yang menerima ijazah ini. Kumpulan pertama menerima ijazah mereka pada 2001. Kumpulan kedua pula menerima ijazah mereka pada tahun 2002. Pada tahun ini kumpulan ketiga akan menamatkan pengajian mereka dan akan menerima ijazah mereka tidak berapa lama lagi.

Pelajar Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (SPI), UTM diwajibkan mengambil matapelajaran Nahu Bahasa Arab berjumlah sebanyak 10 kredit, selain daripada mengambil matapelajaran Arab yang lain seperti *Balaghah* dan mata pelajaran *al-Qira'ah wal-Maqal*.

Pengalaman pensyarah Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial (PPiPS), UTM yang mengajar mata pelajaran Nahu Bahasa Arab mendapati terdapat beberapa kelemahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) bagi mata pelajaran ini. Hasil daripada itu menyebabkan ramai pelajar yang kurang meminati pembelajaran nahu Bahasa Arab dengan alasan sukar dan ada pula yang berpendapat kaedah pengajaran dan pembelajarannya agak kurang menarik dan perlu diperbaiki.

Pensyarah-pensyarah PPiPS yang khusus dalam bidang pengajaran nahu bahasa Arab sering kali menghadapi pelbagai masalah. Antara masalah yang dimaksudkan ialah masa yang tidak mengizinkan, menyediakan bahan pengajaran yang sesuai untuk pelajar, sumber rujukan dalam bahasa Arab yang amat kurang dan persekitaran yang membolehkan satu bentuk pengajaran yang lebih berkesan dapat diwujudkan.

Walaupun demikian beberapa prinsip dan asas yang kukuh dalam pengajaran nahu bahasa Arab masih tetap dilaksanakan. Perkara-perkara ini berkaitan dengan penyediaan bahan pengajaran, kaedah-kaedah pengajaran terkini nahu bahasa Arab dan syarat-syarat kelayakan yang perlu ada pada pensyarah-pensyarah yang terlibat secara langsung dalam bidang pengajaran bahasa Arab.

1.7 MATA PELAJARAN AL-QAWA'ID AL-ARABIYYAH DALAM KURSUS SPI

Mata pelajaran *Al-Qawa'id al-Arabiyyah* dalam kursus SPI dikategorikan kepada *Al-Qawa'id al-Arabiyyah* I, II, III, IV dan V. Kesemua peringkat pengajaran ini boleh dikatakan ada perkaitan dari segi silabus yang dipelajari antara satu sama lain. Boleh dikatakan sekiranya tamat keempat-empat silabus mata pelajaran ini, pelajar-pelajar telahpun dapat menghabiskan sebahagian besar daripada tatabahasa Arab secara umumnya.

Kelas-kelas bagi mata pelajaran ini diberikan tumpuan khas oleh pihak PPIPS. Pensyarah-pensyarah digalakkan menggunakan bahasa Arab dalam pengajaran. Dalam memberikan jaminan suasana pengajaran yang baik dan berasaskan kepada teknologi, pihak PPIPS telah menyediakan bilik-bilik kuliah yang dilengkapi dengan peralatan canggih seperti alat OHP, computer, LCD dan skrin penayangan.

Kebanyakan pensyarah telah mempraktikkan pengajaran dengan menggunakan peralatan ini. Sesi kuliah oleh pensyarah, sesi perbentangan oleh pelajar dan sesi perbincangan boleh dikatakan telah menggunakan peralatan tersebut dengan sepenuhnya. Pelajar-pelajar didapati amat berminat dengan corak pengajaran berbantuan peralatan.

Masa yang dipcruntukkan kepada mata pelajaran ini hanyalah 2 jam kredit sahaja. Hanya 2 kali pertemuan sahaja dalam seminggu pelajar-pelajar dapat berkomunikasi dengan pensyarah masing-masing untuk mendapat penjelasan. Ini amat penting bagi pelajar-pelajar yang mempelajari mata pelajaran ini kerana ia memerlukan kepada penjelasan daripada orang yang mahir dan dapat membuat penghuraian yang teliti dalam satu-satu permasalahan nahu yang dibangkitkan.

Jumlah masa yang diperuntukkan ini juga tidak mencukupi dengan silabus yang perlu dihabiskan kerana jika sesuatu tajuk tidak dapat dihabiskan, ia akan menimbulkan masalah dalam peringkat pengajaran berikutnya dalam semester akan datang. Ini adalah kerana tajuk-tajuk yang dibincangkan mempunyai perkaitan antara satu sama lain.

Ada juga di kalangan pelajar yang merungut bahawa masa yang diberikan tidak mencukupi untuk dipraktikkan dalam kelas apa yang dipelajari oleh mereka dan dibetulkan oleh pensyarah yang mengajar. Perkara ini adalah bertentangan dengan kaedah pengajaran nahu sesuatu bahasa yang memerlukan kepada amasa yang sesuai.

1.7.3 Sumber Rujukan Yang Amat Berkurangan

Dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran ini terdapat juga kerja-kerja khusus yang diberikan oleh pensyarah yang mengajar. Masalah utama dalam menyelesaikan tugas ini adalah berkaitan dengan sumber rujukan yang berkurangan bahkan tidak ada. Pusat-pusat rujukan seperti perpustakaan atau pusat sumber tidak dapat membantu mereka mendapatkan bahan-bahan yang berkaitan dengan tugas yang diberikan kepada mereka,

Perpustakaan Sultanah Zanariah (PSZ) sebagai perpustakaan utama di UTM tidak langsung menyediakan kemudahan-kemudahan buku Arab kerana hanya menumpukan kepada buku-buku atau bahan-bahan rujukan yang berasaskan kepada teknologi. Akhirnya ada di kalangan pelajar-pelajar ini yang hanya meminjam rujukan daripada kalangan pensyarah-pensyarah PPIPS yang ada atau kawan-kawan dan keluarga terdekat yang mempunyai pendidikan Arab dan tidak kurang juga yang membelinya terus dari pasaran walaupun kosnya agak tinggi berbanding dengan buku-buku biasa.

1.7.4 Situasi Pembelajaran Yang Terikat Dengan Kaedah Bahasa

Ciri semula jadi pembelajaran nahu Arab yang terlalu terikat dan kompleks. Sebagaimana yang dimaklumi bahawa nahu Arab adalah satu kaedah tatabahasa yang tidak ditemui pada bahasa-bahasa lain. Perbincangan agak teliti kerana mempunyai kaitan dengan sistem struktur ayat dan

baris. Perbincangan juga menjurus kepada kaedah tentang kedudukan kalimah dan jumlah kalimah dalam sesuatu ayat yang biasanya menimbulkan perasaan jemu di kalangan pelajar. Ini ditambah dengan teori dan contoh yang terdapat dalam buku nahu bahasa Arab terlalu asing dengan kehidupan sebenar para pelajar.

1.7.5 Persekitaran Yang Tidak Mewujudkan Suasana Pengajian Arab

Persekitaran tidak dapat dinafikan sebagai salah satu faktor pendorong kepada memberikan rangsangan positif kepada pengaruh proses pengajaran dan pembelajaran. Biiangan kumpulan pelajar yang diambil dalam kursus SPI tidaklah begitu ramai. Dalam satu semester hanya 40 orang pelajar yang hanya boleh memuatkan satu kelas dan satu seksyen sahaja yang diterima belajar dalam kursus ini. Ini menyebabkan wujudnya suasana pembelajaran yang tidak memberansangkan pelajar-pelajar untuk bersaing.

Kewujudan di kalangan pelajar yang sama kursus pengajiannya semester demi semester boleh mewujudkan suasana dan persekitaran pembelajaran yang baik. Ini berbeza dengan kursus-kursus Iain di UTM atau di fakulti yang sama hingga mencapai pengambilannya lebih 100 orang pelajar. Keadaan ini juga menjejaskan kemajuan pelajar-pelajar SPI untuk menunjukkan potensi mereka dalam bidang ini khususnya untuk mempraktikkan pertuturan dalam bahasa Arab.

1.7.6 Kesibukan Pensyarah Dengan Mata Pelajaran Lain

Pensyarah-pensyarah yang mengajar mata pelajaran ini juga adalah mereka yang mengajar subjek-subjek lain. Kebanyakan pensyarah di PPIPS adalah pensyarah-pensyarah yang mengajar subjek-subjek wajib universiti yang dibebankan dengan bilangan pelajar yang banyak dalam satu-satu seksyen dalam pelbagai kursus dan fakulti pengajian. Bebanan daripada subjek-subjek ini menyebabkan ada di kalangan pensyarah yang lurut terlibat dalam pengajaran kelas-kelas SPI atau bahasa Arab tidak dapat memberikan tumpuan sepenuhnya dalam penyediaan >engajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Masalah-masalah inilah yang menyebabkan metode pengajaran berubah-ubah mengikut pensyarah masing-masing.

Pensyarah-pensyarah yang ditugaskan mengajar mata pelajaran ini juga kurang didedahkan kepada pengajaran-pengajaran bahasa terkini. Sedangkan pengajaran dalam bahasa sentiasa ada perubahan-perubahan terkini yang perlu dilaksanakan. Kursus-kursus tentang pengajaran bahasa khususnya bahasa Arab sama ada di dalam atau di luar negara tidak diberikan pendedahan kepada pensyarah-pensyarah terlibat. Ini menyebabkan kebanyakan daripada mereka tidak mendapat maklumat-maklumat terkini tentang metod pengajaran semasa.

1.8 CARA MENGATASI MASALAH DAN CADANGAN SUSULAN

Permasalahan yang telah dinyatakan di atas bukan sesuatu perkara yang tidak atau sukar diatasi. Beberapa cara tertentu yang memerlukan tindakan pihak-pihak tertentu boleh dibuat bagi mendaftarkan dan menyemarakkan lagi pengajaran dan pembelajaran di universiti teknologi ini. Antara cara dan cadangan yang boleh diketengahkan ialah :

- (1) Pemilihan pelajar haruslah berdasarkan kepada kemampuan pelajar dalam bahasa Arab sebagai keutamaan pemilihan, barulah diikuti dengan criteria-kriteria pemilihan lain. Pelajar-pelajar yang bukan daripada jurusan pengajian bahasa Arab tidak perlu diambil untuk belajar dalam kursus SPI. Bahkan pelajar-pelajar yang telah belajar bahasa Arab di peringkat sekolahpun perlu dibuat tapisan dari segi penguasaan mereka terhadap pengajian nahu Arab. Pastikan pelajar-pelajar yang terpilih adalah dari kalangan mereka yang berminat terhadap mata pelajaran yang ditawarkan.

- (2) Masa dan kredit yang diperuntukkan untuk *al-Qawaid al-Arabiyyah* perlu ditambah lagi kerana dalam bahasa Arab elemen nahu adalah elemen yang terpenting.
- (3) Sumber-sumber rujukan perlu diadakan dan diperbanyakkan oleh pihak perpustakaan. Perlu dinyatakan bahawa pelajar jurusan ini juga adalah pelajar yang mempunyai hak untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan rujukan,
- (4) Pensyarah-pensyarah harus berusaha untuk mempelbagaikan lagi bentuk dan kaedah pengajaran khususnya dalam penggunaan alatan teknologi canggih seperti penggunaan komputer dalam pengajaran. Hasil maklumat yang diperolehi, pensyarah-pensyarah telah menggunakan pelbagai kemudahan dan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan kepada pelajar juga berasaskan kepada penggunaan peralatan berbantuan komputer seperti menggunakan perisian-perisian nahu berdasarkan kepada power point dan sebagainya.

Bagi pihak pensyarah pula hendaklah mendedahkan tajuk-tajuk pembelajaran nahu bahasa Arab dilakukan secara terpilih dengan tajuk-tajuk yang penting dan sesuai sahaja didedahkan kepada pelajar. Kaedah pengajaran juga hendaklah dipermudahkan dan disertakan dengan contoh-contoh untuk memantapkan lagi pemahaman pelajar dalam topik tersebut.

Penguasaan nahu bahasa Arab akan dapat dimantapkan lagi apabila pelajar didedahkan dengan latihan-latihan yang banyak sama ada dalam bentuk tugas secara berkumpulan atau individu, latihan di dalam bilik kuliah, latihan di makmal bahasa, dan latihan di rumah. Selepas itu, latihan dan tugas yang diberikan kepada pelajar dibincangkan bersama pelajar lain di dalam kelas dan bengkel kemahiran menguasai nahu bahasa Arab.

Pengajaran nahu bahasa Arab tidak seharusnya dimulakan dengan menjelaskan kaedah nahu dan disusuli seterusnya dengan membawa contoh-contoh untuk mengukuhkan kefahaman pelajar tentang kaedah nahu tersebut. Kaedah terbaik yang dicadangkan kepada pensyarah yang mengajar nahu bahasa Arab ialah menggunakan kaedah sebaliknya iaitu penerangan contoh diikuti dengan kaedah nahunya.

- (5) Bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang dapat membantu pembelajaran bahasa Arab, dicadangkan agar pengambilan pelajar akan datang ditambah dan diperbanyakkan kepada beberapa kelas pengajaran SPI. Dengan tindakan ini, peajar-pelajar yang akan mempelajari mata pelajaran ini dan yang sedia ada akan bertambah semangat dan bermotivasi tinggi untuk belajar kerana suasana yang berbeza dari sebelumnya.

Peranan ini perlu dimainkan juga oleh pensyarah untuk mewujudkan persekitaran yang boleh menimbulkan minat pelajar untuk mengikuti pembelajaran nahu bahasa Arab. Antara cara untuk menimbulkan minat pelajar adalah dengan memberi keyakinan kepada pelajar bahawa mereka mampu menguasai bahasa Arab, dengan syarat banyak menggunakan bahasa Arab sama ada dalam komunikasi, pembacaan, dan penulisan. Aspek penguasaan nahu akan dikuasai secara tidak sedar apabila penggunaan bahasa Arab dilakukan secara berterusan melalui ketiga-tiga aspek yang telah disebutkan.

Menentukan pensyarah yang pakar dalam bidang ini sahaja yang akan mengajar mata pelajaran ini. Pensyarah-pensyarah ini tidak perlu ditugaskan untuk mengajar mata pelajaran-mata pelajaran selain daripada bahasa Arab seperti mata pelajaran umum universiti dan Iain-Iain. Mereka perlu sentiasa didedahkan dengan kursus-kursus pengajaran bahasa terkini.' Mereka juga sepatutnya mengikuti perkembangan lanjut tentang pengajaran bahasa di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dengan cara menghantar mereka ke luar negeri khususnya negara-negara Arab bagi mendalami metode pengajaran dan sebagai latihan susulan dan pengukuhan kepada mereka.

- (6) Antara langkah-langkah lain yang boleh diambil untuk mengatasi masalah ini khususnya bagi pihak pelajar sendiri ialah setiap pelajar perlu diberikan pemahaman yang lebih tepat

tentang kepentingan pembelajaran nahu bahasa Arab secara lebih menyeluruh. Pendekatan pembelajaran harus diubah suai supaya lebih mudah dipelajari dan menarik minat pelajar.

Setiap pelajar tidak semestinya perlu memahami dan menguasai secara terperinci setiap kaedah nahu bahasa Arab yang dipelajari. Menguasai setiap topik pembelajaran nahu bahasa Arab tidak akan memberi manfaat kepada pelajar seandainya kaedah nahu tersebut tidak dapat diterapkan secara praktis dalam penulisan menggunakan bahasa Arab atau menggunakannya sebagai bahasa pertuturan untuk berhubung dengan rakan, pensyarah dan masyarakat dalam kehidupan harian.

1.9 PENUTUP

Sebenarnya mata pelajaran *al-Qawaid al-Arabiyyah* boleh menarik minat pelajar untuk mempelajarinya dengan bantuan penggunaan peralatan dan perisian terkini seperti mana yang telah dilaksanakan kepada pelajar-pelajar SPI. Walau bagaimanapun, beberapa masalah lain yang tidak dapat dielakkan berkemungkinan boleh mcmbantutkan minat pelajar untuk mempelajarinya serta proses pengajaran dan pembelajaran yang berlangsung. Usaha-usaha penyelesaian perlu mendapat perhatian dan kerjasama semua pihak bagi meneruskan pengajian nahu bahasa Arab di UTM yang membolehkan generasi yang tahu tentang tatabahasa Al-Quran diteruskan.

BIBLIOGRAFI

- Ali Al-Hadidi, T.T. *Mushkilah Ta 'Urn al-Lughah al-Arabiyyah Li Ghair al-'Arab*. al-Qahirah: Dar al-Katib al-'Arabi Li al-Tiba 'ah al-Nashr.
- 'Atif Kan 'an, 1995. *Asalib Tadrīs al-Qaw 'id al-Lughah al-Arabiyyah*. al-Urdun: Wizarah al-Tarbiyah Waal-Ta Mim.
- Abd. al-'Alim Ibrahim, 1964. *al-Muwajjih al-Fanni Li Mudarisi al-Lughah al-'Arabiyyah*. Qahirah: Dar al-Ma'arif.
- Abd. al-Ghaffar Hamid Hilal (Dr.), 1991. *Manahij al-Bahth Fi al-Lughah Wa al-Ma'ajim*, Misr: Matba'ah al-Jiblawi.
- Abi Mansur al-Azhari, T.T. *Tahzib al-Lughah*. Misr: Matabi* Sijil al-*Arab.
- Alias Deeb, 1981. *Manahij wa Asalib Tadrīs al-Tarbiyah wa al-Ta'lim*. Beirut: Dar al-Kutub al-Lubnani.
- Al-Jawhari, 1979. *Taj al-Lughah Wa Sihah al-Arabiyyah*. Beirut: Matba *ah Beirut. Al-Jurjani, 1983. *Kitab al-Ta 'rifaat*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.